

Usaha R&D perlu dipertingkatkan: PM

Oleh Kadir Dikoh

BH -1 APR 2000

KUALA LLJMPUR, Jun 10
- Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang berteknologi maklumat di rantau Asia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata bagi mencapai matlamat itu, usaha R&D perlu dipertingkatkan terutama dalam pembangunan kluster R&D dengan kerjasama syarikat korporat bertaraf dunia, universiti, institusi peneli-

dikan awam dan industri berkaitan.

"Malaysia dan rantau Asia Pasifik tidak berupaya ketinggalan dalam kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) global. Kita hanya boleh melakukannya jika mempunyai program R&D bidang berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis Anugerah Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Asia Pasifik (APMITA) di Seri Kembangan dekat sini, malam ini.

Anugerah APMITTA per-

tama kali diadakan di Malaysia untuk menghargai inovasi serta kreativiti syarikat IT dan telekomunikasi yang beroperasi di negara ini.

Ia dianjurkan Multimedia Development Corporation (MDC), pemaju projek Koridor Raya Multimedia dan bandar bestari Cyberjaya. Acara itu juga sebagai pengiktirafan syarikat terbabit di MSC setakat ini.

Dr Mahathir berkata, bidang R&D diberi penekanan termasuk dalam

pembangunan aplikasi perdana MSC, dianggap komponen kritikal yang mampu menjamin kejayaan MSC.

Sehubungan itu, katanya, galakan korporat, penubuhan Universiti Multimedia (MMU) dan pembangunan projek perintis R&D secara besar-besaran dilaksanakan.

"Di sebalik kemajuan dicapai, kita mesti mempercepatkan usaha untuk mencapai hasrat itu. R&D adalah kunci untuk mencapai perubahan dan penyertaan da-

lam R&D akan menjamin kemajuan ekonomi kita," katanya.

Beliau berkata, syarikat MSC digalakkan melabur dalam teknologi maklumat dan multimedia selain menunjukkan keupayaan mereka dalam membangunkan produk dan perkhidmatan untuk pelbagai kegunaan.

"Kejayaan syarikat ini dan individu terbabit membuktikan kepentingan kreativiti dan inovasi dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi pada zaman teknologi maklumat," katanya.